

## **Analisis Sociolinguistik Masyarakat Melayu di Tiga Wilayah Sempadan Selatan Thailand Berlandaskan Teori Etnografi Komunikasi**

Kamaruddin Isayah\*

*Faculty of Humanities and Social Sciences, Thaksin University.*

### **ABSTRAK**

*Kertas kerja ini bertujuan untuk memaparkan situasi sociolinguistik dan fenomena kebahasaan dalam masyarakat Melayu di tiga wilayah sempadan selatan Thailand (3WSST). Data sociolinguistik yang terkumpul melalui kajian pustaka, pemerhatian dan temu bual tidak terancang dianalisis secara deskriptif menggunakan teori etnografi komunikasi yang dicadangkan oleh Hymes (1974) melalui singkatan komponen tutur tertentu, iaitu SPEAKING. Masyarakat Melayu di 3WSST yang dimaksudkan dalam kertas kerja ini merangkumi wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat. Memandangkan pengkelompokan etnik di Thailand, masyarakat Melayu merupakan sebuah masyarakat minoriti di negara ini. Di bahagian hujung Selatan Thailand, masyarakat ini dianggap majoriti penduduknya. Identiti yang melambangkan masyarakat ini bersifat Melayu ialah pembentukan masyarakat sejak zaman silam hingga sekarang berunsurkan ciri-ciri Melayu, iaitu dengan mengamalkan adat dan budaya Melayu. Sejarah telah membuktikan bahawa masyarakat di sini ialah masyarakat Melayu asal yang tidak diasimilasikan daripada mana-mana masyarakat. Bahasa Melayu khususnya dialek Melayu Patani merupakan medium utama bagi penduduk masyarakat ini. Dari sudut sociolinguistik, masyarakat Melayu di 3WSST jelas sekali mengalami fenomena pertembungan dengan orang Thai, kesannya muncul sebuah masyarakat dwibahasa. Hakikatnya, fenomena kedwibahasaan dalam masyarakat ini mengakibatkan berlakunya beberapa aspek linguistik seperti fenomena pemilihan bahasa, percampuran bahasa dan sebagainya.*

**Kata Kunci:** Sociolinguistik, Masyarakat Melayu, Dialek Melayu Patani, Selatan Thailand, Etnografi.

### **ABSTRACT**

*This paper aims to illustrate the sociolinguistic and language phenomena of the Malay community in three provinces of Thailand's deep south (3WSST). Sociolinguistic data collected through literature studies, observations and unplanned interviews were analyzed descriptively using the communication ethnographic theory proposed by Hymes (1974) through the abbreviation of a particular speaker component, namely SPEAKING. The Malay community at 3WSST which is intended in this paper covers the areas of Pattani, Yala, and Narathiwat. Given the ethnic compositions in Thailand, the Malay community is a minority society in the country. The Malay community in three provinces of Thailand's deep south (3WSST), including Pattani, Yala and Narathiwat are considered to be a minority community, yet the majority of the population in such areas. From the past to the present, this community has been characterized by Malay customs, culture, and language. Based on its history, the community has not assimilated any cultures from other societies, and thereby an original Malay society. The Malay language, especially the Patani Malay dialect, is the main medium of communication for the people in this community. From a sociolinguistic point of view, the Malay community in 3WSST clearly encountered clashes*

---

\*E-mail: khoksai@gmail.com

*with Thai people. This appeared to result in the community becoming a bilingual community. The consequence therefore involves changes in several aspects of linguistics, such as language choice, language mixing, and so forth. To show the sociolinguistic phenomenon in that area, the theory of communication ethnography (Hymes, 1974) is used in the description of this paper.*

**Keywords:** Sociolinguistics, Malay Community, Patani Malay Dialect, Thailand's Deep South, Ethnography.

## 1. PENGENALAN

Selatan Thailand terdiri daripada 14 buah wilayah. Wilayah-wilayah yang terdapat di bahagian hujung selatan merupakan kawasan yang ditempatkan oleh majoriti penduduk yang beragama Islam etnik Melayu. Wilayah-wilayah yang dimaksudkan itu ialah wilayah Pattani, Yala, Narathiwat, Songkhla dan Satun. Dalam kelima-lima wilayah tersebut, wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat merupakan tiga wilayah yang terdapat ramai penduduk Melayu. Bagi penduduk tiga wilayah ini, apa yang dimaksudkan dengan perkataan "Melayu" itu ialah amalan kehidupan harian yang berlandaskan sosio-budaya Melayu. Bahasa ibunda yang dituturkan dalam masyarakat ini merupakan budaya Melayu yang ternyata melambangkan identiti mereka sebagai orang Melayu di negara ini. Dengan adanya bahasa ibunda, iaitu bahasa Melayu dialek Patani sebagai bahasa tempatan, maka jelaslah masyarakat ini dianggap sebagai masyarakat Melayu.

Masyarakat Melayu di tiga wilayah selatan Thailand (3WSST) yang dimaksudkan dalam makalah ini berfokuskan kepada masyarakat Melayu yang terdapat di wilayah Pattani, Yala, Narathiwat dan beberapa daerah dari wilayah Songkhla yang bersempadan dengan wilayah Pattani. Sungguhpun pada hakikatnya WSST dianggotai oleh lima buah wilayah bersempadan termasuk dengan wilayah Satun dan Songkhla, namun di dalam makalah ini kedua-dua wilayah berkenaan tidak diambil kira. Hal ini demikian kerana di kedua-dua wilayah berkenaan hanya terdapat sebilangan kecil kawasan masyarakat Melayu. Jumlah golongan orang Melayu juga tidak ramai dan golongan ini tidak bermastautin di serata kawasan di wilayah tersebut.

Di bawah dasar pemerintahan kerajaan Thailand dan sistem pendidikan negara ini, secara tidak langsung penduduk masyarakat Melayu di 3WSST seharusnya perlu menghadapi fenomena pertembungan sosial dan budaya yang berlaku dalam masyarakatnya. Hakikatnya, fenomena penggunaan bahasa juga turut menjadi unsur sosial yang harus dipertimbangkan dalam masyarakat dwibahasa seperti mana yang sedang berlaku di 3WSST.

Menurut Worawit Baru (1999; 240-242), pelaksanaan dasar asimilasi negara Thai sejak awal Dinasti Ratanakosin atau Dinasti Chakri sampai sekarang (1978-1998) yang ditetapkan dan dijalankan merupakan dasar pengasimilasian orang Melayu yang merupakan golongan minoriti negara ke arah perpaduan negara. Menurutnya, keadaan penggunaan bahasa bagi penutur Melayu khasnya di 3WSST sedikit demi sedikit menyesuaikan diri mereka dengan masyarakat majoriti negara tersebut. Mereka menerima ciri-ciri kebudayaan kebangsaan Thailand seperti nama gelaran, nama diri dan nama keluarga. Anak-anak Melayu diterapkan dengan pembelajaran bahasa Thai yang merupakan bahasa berbeza dengan bahasa dalam kehidupan seharian sebenar mereka. Masyarakat Melayu pada peringkat awal menolak dan tidak gemar mempelajari dan menggunakan bahasa Thai. Mereka menganggap bahasa Thai berlainan dengan bahasa Melayu dari beberapa sudut dan yang lebih penting bahasa Melayu dikaitkan dengan Islam sementara bahasa Thai dikaitkan dengan agama Buddha. Bahasa Thai memasuki masyarakat Melayu menerusi penaklukan terhadap bumi yang penduduknya menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama komunikasi.

Memandangkan dari sudut bahasa dan masyarakat penggunaannya, situasi penggunaan bahasa dalam masyarakat Melayu di 3WSST ialah suatu fenomena yang amat rumit dan melibatkan pelbagai faktor yang berkaitan dengan masyarakat bahasa itu sendiri. Penggunaan bahasa dalam hal ini bagi semua orang dalam semua situasi bukan sahaja tidak sama, malah bergantung kepada pelbagai fungsi, faktor (seperti faktor sosial dan budaya), psikologi atau pragmatik (iaitu, "siapa" yang menggunakan bahasa, tempat bahasa itu digunakan dan tujuan bahasa itu digunakan). Hubungan bahasa dengan faktor-faktor tersebut dikaji secara mendalam dalam bidang sosiolinguistik. Maka, makalah ini bertujuan untuk membincangkan dan memaparkan situasi sosiolinguistik masyarakat Melayu di 3WWST berlandaskan penerapan teori etnografi komunikasi yang dicadangkan oleh Hymes (1974) melalui singkatan komponen tutur tertentu, iaitu SPEAKING.

## 2. PENERAPAN ETNOGRAFI KOMUNIKASI DALAM KAJIAN SOSIOLINGUISTIK

Fenomena penggunaan bahasa lazimnya dikaji di bawah bidang sosiolinguistik. Hal ini demikian kerana secara am sosiolinguistik ialah cabang linguistik yang mengkaji hubungan antara bahasa dengan masyarakat pemakainya (Wardhaugh, 1984: 4; Holmes, 1993: 1; Hudson 1996: 2) dan meninjau bahasa sebagai fenomena sosial dan kebudayaan dengan menggunakan bahan, metodologi atau hasil kajian bidang sains sosial (Trudgill, 1984: 31). Hal yang lebih penting menurut Hudson (1996: 1-2), sosiolinguistik mencakupi bidang kajian yang sangat luas, bukan hanya menyangkut kewujudan bahasa dan variasinya, malah penggunaan bahasa dalam sesebuah masyarakat. Menurut Hudson (1996) lagi, penggunaan bahasa juga melibatkan proses pemilihan terhadap himpunan bahasa yang ada pada individu atau masyarakat berkenaan.

Pada awalnya, istilah "Etnografi Komunikasi" disebutkan sebagai "Ethnography of Speaking". Istilah ini diperkenalkan oleh Dell Hymes (1974) sebagai salah satu teori dalam menyumbangkan kajian sosiolinguistik khususnya kajian pemilihan bahasa. Pendekatan etnografi komunikasi bagi sesuatu peristiwa komunikatif merupakan satu usaha pendeskripsian semua faktor yang relevan dalam usaha memahami cara-cara sesuatu peristiwa komunikatif itu mencapai tujuannya.

Menurut Hymes (1974), dalam menganalisis etnografi komunikasi tidak cukup hanya kita mengetahui situasi, peristiwa dan aksi pertuturan, kita juga haruslah mengetahui komponen-komponen komunikasi. Terdapat 16 komponen komunikasi yang disarankan oleh Hymes, iaitu 1) bentuk mesej (*message form*); 2) isi mesej (*message content*); 3) latar (*setting*); 4) suasana (*scene*); 5) penutur (*speaker*); 6) pengirim (*addressor*); 7) pendengar (*audience*); 8) penerima (*addressee*); 9) maksud-hasil (*purpose-outcome*); 10) maksud-tujuan (*purpose-goal*); 11) kunci (*key*); 12) saluran (*channel*); 13) bentuk bahasa (*form of speech*); 14) norma interaksi (*norm of interaction*); 15) norma interpretasi (*norm of interpretation*); dan 16) genre (*genre*). Kesemua komponen berkenaan telah dikelompokkan dan dicantumkan mengikut komponen yang berdekatan menjadi satu istilah dan setiap istilah ini disusun menjadi kata akronim dalam bahasa Inggeris, iaitu S.P.E.A.K.I.N.G. Komponen-komponen tersebut ialah latar dan suasana, peserta, tujuan atau maksud, aksi urutan, ragam, alat atau saluran, norma dan genre. Pendekatan etnografi komunikasi merupakan satu pendekatan yang penting yang menghubungkan linguistik dengan antropologi (Hymes, 1971: 47).

**Jadual 1** Kerangka Komponen SPEAKING

Komponen S.P.E.A.K.I.N.G	Gabungan 16 Komponen
<b>S</b> : Latar ( <i>Setting</i> )	Mencantum latar dan suasana (3,4)
<b>P</b> : Peserta ( <i>Participants</i> )	Mencantum penutur, pengirim, pendengar dan penerima (5,6,7,8)
<b>E</b> : Tujuan/maksud ( <i>Ends</i> )	Mencantum maksud dan hasil (9,10)
<b>A</b> : Aksi Urutan ( <i>Act sequences</i> )	Mencantum bentuk mesej dan isi mesej (1,2)
<b>K</b> : Ragam ( <i>Keys</i> )	Kunci (11)
<b>I</b> : Alat ( <i>Instrumentalities</i> )	Mencantum saluran dan bentuk bahasa (12,13)
<b>N</b> : Norma ( <i>Norms</i> )	Mencantum norma interaksi dan norma interpretasi (14,15)
<b>G</b> : Genre ( <i>Genre</i> )	Genre (16)

**Sumber:** Dipetik dan disesuaikan daripada Hymes (1974).

Untuk perbincangan yang akan dipaparkan selanjutnya supaya lebih selaras, tepat dan jelas, skop kawasan yang akan dibincangkan juga perlu didefinisikan. Masyarakat Melayu di 3WSST yang dimaksudkan dalam makalah ini berfokuskan kepada masyarakat Melayu yang terdapat di wilayah Pattani, Yala, Narathiwat. Sungguhpun pada hakikatnya WSST dianggotai oleh lima buah wilayah bersempadan termasuk dengan wilayah Satun dan Songkhla, namun di dalam makalah ini kedua-dua wilayah berkenaan tidak diambil kira. Hal ini demikian kerana di kedua-dua wilayah berkenaan hanya terdapat sebilangan kecil kawasan masyarakat Melayu. Jumlah golongan orang Melayu juga tidak ramai, lagi pula golongan ini tidak bermastautin di serata kawasan di wilayah tersebut. Sebagai penjelasan makalah ini, setiap aspek situasi sociolinguistik yang dianalisis selanjutnya akan ditandakan dengan singkatan komponen-komponan yang berkaitan.

### 3. LATAR BELAKANG MASYARAKAT MELAYU DI 3WSST (S,P)

Perbincangan bahagian ini melibatkan komponen-komponen etnografi komuniti tertentu, iaitu latar (S) dan peserta (P) bagi masyarakat Melayu di 3WSST. Selatan Thailand ialah salah satu bahagian negara Thai yang mempunyai masyarakat yang terdiri daripada beberapa kelompok etnik, seperti Siam, Cina dan Melayu. Etnik Melayu merupakan kelompok paling ramai yang menduduki kawasan bahagian bawah Selatan Thailand. Sungguhpun sekarang masyarakat Melayu WSST, khususnya wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat di bawah naungan pentadbiran kerajaan Thailand dan mempunyai bahasa kebangsaan yang sama, iaitu bahasa Thai. Masyarakat di wilayah-wilayah ini dapat membentuk identiti masyarakat yang tersendiri, iaitu masyarakat Melayu WSST, di samping mempunyai latar belakang sejarah kemasyarakatannya sendiri.

Berkenaan dengan orang Melayu di 3WSST, dari segi fizikal, mereka lazimnya berkulit sawo matang, berbadan sederhana besar dan tegap, dan selalu berlemah lembut serta berbudi bahasa (Ismail Hamid, 1988: 4). Namun demikian oleh sebab kerakyatan Thai, mengikut perlembagaan Thailand orang Melayu di 3WSST selalu menghadapi batasan dan kesukaran untuk menyatakan etnik mereka yang sebenar mana-mana ruang yang perlu ditonjolkan. Mereka wajib menganggap diri mereka berbangsa Thai, berketurunan Thai dan bahasa rasminya bahasa Thai.

3WSST terdapat beberapa golongan masyarakat dan etnik. Masyarakat dan etnik Melayu merupakan golongan yang majoriti di 3WSST berbanding dengan golongan lain, seperti Buddha dan Cina. Sungguhpun sekarang 3WSST amnya wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat di bawah naungan pentadbiran kerajaan Thailand dan mempunyai bahasa kebangsaan yang sama, iaitu bahasa Thai tetapi wilayah-wilayah berkenaan mempunyai latar belakang sejarah dan identiti masyarakat tersendiri.

Kewujudan masyarakat Melayu di 3WSST boleh dikatakan mempunyai kesinambungan daripada sejarah kebangkitan Kerajaan Melayu Patani sejak dahulu. Dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* mengaitkan penubuhan masyarakat Melayu Patani kepada orang yang datang dari Kedah, manakala Pongsawadan Muang Pattani (*Hikayat Pattani*) mengaitkan penubuhannya dengan kerajaan Melayu yang berpusat di Kota Mahligai yang diperintah oleh Phyu Tu Kerab Mahayana (Teeuw & Wyatt, 1970: 68). Menurut Siriporn (2005:19), masyarakat Melayu Patani dibangkitkan oleh seorang pemerintah dari pendalaman kota Mahligai yang membangunkan sebuah perkampungan pantai kecil sehingga menjadi sebuah perlabuhan yang sibuk. Akhirnya kota Mahligai yang terbiar dan agak terpencil itu ditinggalkan dan tarikh peristiwa ini tidak jelas dinyatakan.

Berpandukan catatan tersebut, ahli-ahli sejarah Eropah percaya bahawa negeri Langkasuka yang terletak di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu antara Senggora (Songkhla) dan Kelantan itu ialah lokasi asal negeri Pattani. Dipercayai bahawa ibu negerinya pada masa itu terletak di sekitar daerah Yarang. Patani ialah sebuah masyarakat Melayu yang mempunyai kerajaan yang termaju di Semenanjung Tanah Melayu dan terdapat sebuah pelabuhan yang penting sejak kurun ke-8 Masihi kerana Teluk Langkasuka (Teluk Patani sekarang) sangat sesuai dijadikan tempat kapal dagang berlabuh dan berlindung daripada ribut tengkujuh (Nik Anuar Nik Mahmud, 199: 3).

Nik Anuar (1999) menjelaskan bahawa kerajaan Langkasuka menguasai jalan perdagangan timur-barat melalui Segenting Kra dan kekuasaannya meliputi kawasan Semenanjung sehingga ke Teluk Benggala. Kerajaan Melayu Langkasuka wujud sehingga menjelang abad ke-13 dan diganti oleh kerajaan Melayu Patani.

Walau bagaimanapun, sejarah membuktikan bahawa bumi Patani atau yang dimaksudkan 3WSST dan Semenanjung Tanah Melayu pada awalnya menjadi tempat kediaman orang hutan, orang bukit dan orang laut yang terdiri daripada beberapa suku, seperti Sakai, Semang, Negrito dan sebagainya (Sawvane Jitmond, 1988: 63). Fakta sejarah menunjukkan bahawa orang Melayu di 3WSST bukan golongan yang berhijrah ke Thailand, malah mereka telah mendiami kawasan ini sejak purbakala. Pada mulanya, orang berketurunan Melayu ini tidak boleh berbahasa Thai ataupun tidak berminat untuk berbahasa Thai. Mereka menggunakan bahasa Melayu secara meluas. Songkhram Chuenpibal (1975: 4) dan Chai Ruangsilpa (1974: 23) menyatakan bahawa wilayah di Selatan Thailand dianggap sebagai bumi asal tempat kediaman orang Melayu dahulu manakala orang Thai (atau yang dipanggil sebagai orang Siam) memasuki dan menduduki kawasan ini kemudian. Orang Thai menggunakan kekuatan tentera yang lebih hebat daripada orang Melayu sehingga berjaya merampas kebanyakan bumi kepunyaan orang Melayu dan menjadikannya sebahagian daripada negara Thai. Hal demikian menyebabkan orang Melayu yang mendiami bumi asalnya berubah menjadi warga negara Thai seterusnya.

Pada zaman pemerintahan Raja Rama I (tahun 1808), negeri Patani terbahagi kepada tujuh buah negeri kecil, iaitu Yala, Pattani, Nong Jik, Sai Buri, Yaring dan Raman (Worawit Baru, 1999). Semasa berlaku pertukaran sistem pemerintahan kerajaan Siam pada tahun 1933, ketujuh-tujuh buah negeri kecil tersebut dicantumkan menjadi tiga buah wilayah seperti yang ternyata pada masa sekarang, iaitu wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat.

Hakikatnya, masyarakat Melayu yang terdapat di 3WSST merupakan masyarakat Melayu peribumi yang mempunyai golongan penduduk terbesar di Thailand. Golongan ini banyak mendiami kawasan lima wilayah sempadan Selatan Thailand (termasuk wilayah Pattani, Yala, Narathiwat, Songkhla dan Satun). Penduduk masyarakat Melayu peribumi masih menjadi golongan majoriti di daerah ini dan mereka lebih suka dipanggil “Orang Melayu” daripada “Orang Thai Islam” atau “Thai Muslim”, iaitu panggilan yang selalu digunakan oleh pihak yang bersuku lain. Masyarakat Melayu yang tinggal di lima buah wilayah berkenaan mempunyai sosio-budaya tersendiri, yakni mereka mempunyai bahasa ibunda serumpun dengan bahasa Melayu, iaitu dialek Melayu Patani, mengamalkan budaya Melayu dan menjalankan kehidupan harian yang hampir sama dengan masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia.

Berdasarkan fakta yang dikemukakan oleh Worawait Baru (1999: 65), masyarakat Melayu di 3WSST atau yang dikenali sebagai masyarakat Melayu Patani, terdiri daripada orang Melayu peribumi dan orang Melayu dari Semenanjung Tanah Melayu. Pada masa dahulu, Patani merupakan sebuah negeri yang berdaulat dan sebelum abad ke-15 dikenali dengan nama Langkasuka. Kemudian kerajaan Sriwijaya mengembangkan kuasanya dan dapat menakluki kawasan-kawasan di Selatan Thailand sampai ke negeri Petchaburi yang bersempadan dengan kerajaan Dhavarawadi (Sawvane Jitmoud, 1988: 62-65). Apabila Sriwijaya mengalami kejatuhan, kerajaan Melayu Patani muncul di samping Kerajaan Majapahit di selatan Semenanjung Tanah Melayu pada abad ke-13 dan abad ke-18 (Ismail Hamid, 1988: 13). Patani pada masa itu merupakan sebuah kerajaan yang maju dan makmur, khususnya dari abad ke-16 sehingga ke-18. Hal ini demikian kerana Patani mempunyai pelabuhan yang besar, ekonomi yang maju, kedudukan politik dan kenegaraan yang kukuh serta sistem kedutaan yang rapi. Oleh itu, datanglah pedagang dari Arab untuk berdagang dan menyebarkan Islam di bumi Patani. Dengan yang demikian, Patani merupakan satu-satunya kerajaan yang dapat mengembangkan pengaruhnya dalam bentuk budaya, politik dan ekonomi selama lebih daripada satu abad. Patani telah menjadi tempat yang penting dari sudut sejarah dunia Melayu dan perkembangan Islam (Seni Mahadkakul, 1986: 172).

Latar belakang persejarahan masyarakat Melayu di 3WSST membuktikan penduduk masyarakat ini ialah orang Melayu, menggunakan dialek Melayu Patani (DMP) sebagai bahasa pertama dan bahasa perantaraan dalam komunikasi harian. Sejarah membuktikan DMP digunakan sejak zaman dahulu hingga sekarang dalam pelbagai latar waktu dan latar tempat. Sekarang DMP digunakan dalam pelbagai situasi dan keadaan peristiwa komunikasi seperti dalam situasi formal, contohnya ketika berkhutbah, berceramah, majlis ilmiah, majlis keagamaan dan sebagainya. Ia juga sering digunakan dalam situasi tidak formal, seperti dalam komunikasi harian.

#### **4. MASYARAKAT MELAYU 3WSST DARI SUDUT SOSIOBUDAYA DAN POLITIK (S,P,A,K,I,N,G)**

Perbincangan bahagian ini selanjutnya melibatkan komponen-komponen etnografi komuniti tertentu bagi masyarakat Melayu di 3WSST, iaitu latar (S), peserta (P), aksi (A), ragam (K), alat (I), norma (N) dan genre (G).

Pemandangan dari sudut fizikal membuktikan masyarakat Melayu di 3WSST yang dikhususkan kepada wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat hampir sama dengan masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu malah ciri-ciri yang membezakan kedua-dua masyarakat ini ialah situasi kemasyarakatan dan politik tempatan.

Sepertimana yang dimaklumkan, pembentukan masyarakat Melayu di 3WSST ialah berdasarkan kejayaan pemerintahan kerajaan Melayu Patani pada awal kurun ke-13. Pada zaman kegemilangan silam, bumi masyarakat Melayu di 3WSST diperintah oleh kesultanan Melayu. Bukti-bukti kekuasaan dan kegemilangan masih kekal hingga hari ini, iaitu sebuah masyarakat

Melayu Islam Patani yang bertuturkan dialek Melayu Patani dalam kehidupan harian mereka. Adat resam, agama, pemikiran dan seni budaya mereka turut berbeza daripada masyarakat lain yang terdapat di Selatan Thailand. Sejarah menunjukkan kerajaan Melayu Patani ialah sebuah negara yang makmur dan berperanan sebagai pusat perdagangan di pinggir timur Semenanjung Melayu (Hasan Mardman, 2001: 11-12).

Identiti kemelayuan penduduk masyarakat Melayu di 3WSST menggambarkan masyarakat ini berbeza dengan masyarakat Thailand yang lain. Boleh dikatakan keseluruhan masyarakat ini menuturkan bahasa Melayu tetapi tidak dengan dialek dan telor yang agak berbeza. Dialek yang dituturkan di wilayah Satun lebih menyerupai dialek Melayu yang digunakan di Perlis dan di Kedah sedangkan dialek yang dituturkan di Wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat lebih menyerupai dialek yang digunakan di Kelantan. Hakikatnya, dialek ini jugalah yang menentukan akar umbi kata mereka (Hasan Mardman, 2001: 18). Kehidupan harian penduduk masyarakat Melayu di 3WSST tidak jauh berbeza dengan identiti kehidupan penduduk masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia, umpamanya identiti kebudayaan masyarakat Melayu di Kelantan.

Sifat jati diri Melayu dalam kalangan masyarakat Melayu di 3WSST bergantung kepada unsur-unsur utama, iaitu bahasa Melayu, Islam dan budaya Melayu. Seseorang yang boleh bertuturkan dialek Melayu Patani mengamalkan budaya Melayu tempatan dan menganut agama Islam dikatakan seorang yang bersuku bangsa Melayu. Sebaliknya, jikalau terdapat hanya unsur bahasa dan budaya Melayu sahaja pada diri seorang itu tetapi tidak beragama Islam, maka secara langsung dia tidak dianggap sebagai anggota masyarakat Melayu. Lazimnya, masyarakat Melayu di 3WSST menganggap Islam ialah asas kehidupan mereka. Amalan kebudayaan Melayu masyarakat ini berlandaskan kebudayaan Islam. Pada hakikatnya, sekiranya terdapat seorang yang bukan Islam menukar agamanya kepada agama Islam dia dikatakan "masuk Melayu" atau "masuk Jawi," demikian juga seseorang itu dipanggil "masuk Siam" sekiranya dia mengubah penganutan Islam kepada Buddha. Maka dengan konsep sifat kemelayuan dalam kalangan masyarakat Melayu di 3WSST, mereka terus mementingkan diri mereka sebagai suku bangsa Melayu walaupun mereka mesti berdepan dengan krisis kedamaian yang menggoncang kestabilan kehidupan harian mereka dan perlu berdepan dengan fenomena pertembungan sosio-budaya yang amat membimbangkan.

Sifat kesetiaan terhadap penggunaan dialek Melayu Patani dalam kehidupan harian dalam kalangan masyarakat Melayu di 3WSST jelas menggambarkan kelestarian bahasa ibunda masyarakat ini. Hasan Mardman (2001: 19) menjelaskan bahawa pada kebiasaannya masyarakat ini lebih suka menuturkan bahasa Melayu, yakni dialek Melayu Patani dalam perbualan harian mereka. Walaupun kebanyakan mereka boleh menguasai bahasa Thai, mereka lebih suka menggunakan dialek Melayu Patani. Hal ini demikian kerana dialek Melayu Patani ialah bahasa ibunda mereka. Sejak kecil, mereka telah diajar berbahasa Melayu, bukan berbahasa Thai. Kebiasaannya mereka mula mengenal bahasa Thai pada usia kanak-kanak, iaitu apabila mereka dihantar ke sekolah tadika, ketika ibu bapa mereka bertuturkan dalam kedua-dua bahasa ataupun ketika mereka menonton televisyen yang merupakan salah satu cara untuk mereka mempelajari bahasa Thai.

Pada pandangan orang Islam masyarakat Melayu di 3WSST, bahasa Melayu amat bermakna. Bagi mereka, bahasa Melayu ialah bahasa keturunan mereka dan satu pengenalan bagi penganut Islam. Dalam erti kata lain, bercakap dalam bahasa Melayu adalah sama dengan beragama Islam. Bahasa Melayu mempunyai hubungan yang kuat dengan Islam dan warisan agama. Bahasa ini juga berkait rapat dengan kesusasteraan Islam, terutamanya berkenaan dengan buku agama yang bertulisan Jawi (Hasan Mardman, 2001). Adalah amat nyata bagi orang Melayu Islam di 3WSST, tulisan Jawi ini sangat terkait dengan etnik (Melayu) dan agama (Islam), sehingga dalam hal ini ada yang menyatakan bahasa Melayu itu diumpamakan sebagai pemisah antara etnik Melayu dengan yang bukan Melayu dan antara Islam dengan bukan Islam (Ahmad Fathy al Fatani, 2009).

Walaupun bahasa yang dituturkan dalam kalangan masyarakat Melayu di 3WSST merupakan bahasa lisan ataupun salah satu dialek Melayu mereka menggunakan tulisan Jawi sebagai media utama dalam perhubungan antara bahasa Melayu baku dengan bahasa lisan. Tulisan Jawi bagi masyarakat Melayu di 3WSST sangat berperanan sebagai alat penyebaran dan penyampaian maklumat semasa kepada penduduk masyarakat Melayu di 3WSST, khususnya bagi mereka yang tidak memahami bentuk tulisan Rumi atau tulisan Thai. Selain itu, tulisan Jawi juga penting sebagai medium asas pengajaran pendidikan Islam di sekolah agama atau madrasah yang masih terdapat di 3WSST (Kamarudin Isyah, 2010).

Walau bagaimanapun, selain unsur bahasa, budaya dan agama, terdapat beberapa unsur jati diri Melayu yang lain dalam kalangan masyarakat Melayu di 3WSST yang masih kekal pada hari ini. Sebagai contoh, umpamanya unsur budaya, pakaian, makanan, permainan tempatan, adat istiadat dan sebagainya.

Budaya pakaian dalam kalangan masyarakat Melayu di 3WSST sama ada lelaki atau perempuan memang berlainan daripada penduduk wilayah lain di Thailand. Pemakaian orang Melayu di kawasan lain di negara ini dan pemakaian orang Melayu dalam masyarakat Melayu di wilayah 3WSST lebih kurang sama sahaja. Pada kebiasaannya, kita dapati bahawa bagi orang dewasa atau yang berumur mereka berminat memakai pakaian tradisional biasa, iaitu berkain sarung (pelikat), berkain batik dan bertudung kepala dengan kain panjang.

Walau bagaimanapun, disebabkan budaya pemakaian semasa masyarakat Melayu di Malaysia, Indonesia dan negara Arab, orang Melayu di 3WSST juga berpakaian lebih bergaya tetapi masih mengekalkan identiti bentuk keislaman. Pada zaman sekarang, budaya pakaian yang terdapat dalam masyarakat Melayu di 3WSST tidak begitu jauh berbeza dengan pakaian masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia atau Indonesia. Terdapat pelbagai bentuk dan variasi pakaian tradisional Melayu yang wujud mengikut arus zaman moden, antara pakaian yang melambangkan identiti kesukuan Melayu pada masyarakat ini ialah pakaian tradisional seperti baju Melayu atau baju kurung.

Dari sudut politik, masyarakat Melayu di 3WSST perlu menjalani kehidupan harian di bawah peraturan dan undang-undang kemasyarakatan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Pada zaman dahulu, orang Melayu kurang memainkan peranan dalam hal politik negara dan tempatan. Namun begitu, sekarang keadaannya sudah berubah, kerajaan pusat telah memberi kuasa kepada politik tempatan. Ramai orang Melayu di 3WSST berperanan dan bersuara di medan politik negara dan politik tempatan. Sistem pentadbiran pihak kerajaan pusat memberi peluang kepada rakyat menjadi sebahagian sistem pentadbiran tempatan. Oleh itu, lahirlah beberapa organisasi pentadbiran tempatan seperti Pusat Pentadbiran Wilayah Sempadan Selatan Thailand, Organisasi Pentadbiran Peringkat Wilayah dan Organisasi Pentadbiran Wilayah Mukim. Penubuhan organisasi ini memberikan peluang kepada orang Melayu untuk menjadi pemimpin bagi orang Melayu sesama sendiri. Daripada detik inilah peranan bahasa Melayu di 3WSST mula diutamakan, contohnya dalam medan pilihan raya tempatan. Bahasa Melayu akan digunakan dengan cara lisan dan bertulis. Bahasa Melayu digunakan dalam kempen atau ucapan calon yang mewakili parti politik atau perwakilan kumpulan politik tempatan. Secara bertulis, bahasa Melayu digunakan dalam surat layang pernyataan polisi parti dan papan iklan ahli politik tempatan.

Dewasa ini, bahasa Melayu bukan sahaja diberi kepentingan kepada orang Melayu tempatan, bahkan pihak kerajaan sendiri pun mula mengambil perhatian dan memberi laluan kepada masyarakat keseluruhan, khususnya di 3WSST. Oleh sebab pergolakan sosial dan politik yang kurang stabil di 3WSST, bahasa Melayu memainkan peranan sebagai sarana kedamaian dan keamanan masyarakat setempat sehingga terkeluar "Buku Panduan Rakyat" dalam versi bahasa Melayu tulisan Jawi. Buku panduan ini dikhususkan untuk hal politik negara dan politik



tempatan, kemudian disalurkan kepada masyarakat Melayu umum supaya mereka dapat memahami undang-undang pilihan raya dan aspek politik negara.

## **5. BAHASA KESUKUAN MASYARAKAT MELAYU DI 3WSST (S,P,K,I,S)**

Komponen-komponen etnografi komuniti tertentu bagi masyarakat Melayu di 3WSST dalam perbincangan bahagian ini melibatkan beberapa komponen, iaitu latar (S), peserta (P), ragam (K) dan alat (I).

Sejak perjanjian The Anglo-Siamese pada tahun 1909, kerajaan Thailand menganggap orang Melayu di Thailand berbangsa dan berketurunan Thai. Perjanjian tersebut mengasingkan wilayah-wilayah Melayu di Selatan Thailand dengan negeri-negeri Melayu di Persekutuan Tanah Melayu. Namun begitu, pada hakikatnya mereka ialah orang Melayu yang berbangsa dan berketurunan Melayu (Worawit Baru, 1999:5).

Di Thailand, orang Melayu ialah satu suku bangsa yang kebanyakannya menempati di wilayah sempadan Malaysia, khususnya wilayah Pattani, Yala, Narathiwat, Songkhla dan Satun. Istilah "Melayu" dari pandangan dan sikap kerajaan Thailand membawa kepada kekeliruan dan kekacauan. Secara rasmi, kerajaan Thailand tidak membenarkan istilah "Melayu" digunakan untuk merujuk orang yang berbangsa Melayu kerana kerajaan mahukan mereka beranggapan bahawa diri mereka ialah orang Thai (Hara Shintaro, 2000). Sungguhpun demikian, bahasa Melayu di Thailand ialah satu-satunya aset bagi orang Melayu di negara ini yang memainkan peranan yang amat penting dalam jati diri Melayu. Hal ini demikian kerana istilah "Melayu" sering dirujuk kepada bahasa ibunda bagi penduduk yang berbangsa Melayu di 3WSST dan pada masa yang sama menjadi tanda bagi penganut Islam.

Walau bagaimanapun, apa-apa yang dimaksudkan dengan orang Melayu Thailand bukan sahaja bagi mereka yang menggunakan bahasa Melayu dalam percakapan seharian, malah ada juga orang Melayu yang kini tidak boleh bercakap bahasa Melayu (Hasan Madmarn, 1998:15). Menurut Amon Thawisak (1987:7), antara lima wilayah sempadan Thailand, iaitu Pattani, Yala, Narathiwat, Songkhla dan Satun. Wilayah Satun merupakan wilayah yang terdapat ramai penduduk yang bersuku bangsa Melayu, tetapi kurang menggunakan bahasa Melayu dalam interaksi harian mereka. Kadar penggunaan bahasa Thai di sini amat tinggi sehingga mencapai 95 peratus. Wilayah Satun pada ketika dahulu ialah sebahagian negeri Kedah (Imran Makulim, 1995: 57-58) dan juga sebahagian daripada dunia Melayu. Dari segi jumlah penutur bahasa Melayu, wilayah Songkhla lebih ramai daripada wilayah Satun, tetapi kadar jumlah orang Islam lebih ramai di wilayah Satun (Amon Thawisak, 1987: 7). Menurut Worawit Baru (1991:56), bahasa Melayu yang dituturkan oleh orang Melayu di 3WSST, khususnya wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat ialah DMP. Ini termasuklah sebahagian daerah tertentu di wilayah Songkhla yang terdiri daripada daerah Chana (Cenak), daerah Thepa (Tiba), daerah Nathawi, daerah Sabayoi dan daerah Sadao.

Hakikatnya, 3WSST mempunyai majoriti anggota masyarakat yang menganggap diri mereka sebagai orang Melayu yang beragama Islam dan menggunakan bahasa Melayu variasi DMP sebagai bahasa pengantar dalam kehidupan seharian. Bagi masyarakat Melayu di 3WSST, bahasa Melayu variasi dialek Patani merupakan bahasa ibunda atau bahasa pertama mereka. Dialek ini dapat membezakan kesukuan mereka dengan etnik lain di negara ini. DMP seperti juga dialek Melayu lain yang dituturkan di seluruh kepulauan Melayu, iaitu Indonesia, Malaysia, Singapura dan Brunei (Sutan Takdir Alisjahbana, 1986:108) mempunyai ciri-ciri tersendiri dan yang membezakannya dengan dialek yang lain (Asmah Haji Omar, 1976: 19) adalah mengikut batasan geografi dan sempadan politik. DMP khususnya mempunyai bentuk tertentu, dituturkan dalam kawasan tertentu (di wilayah Patani, Yala dan Narathiwat) dan berbeza daripada bahasa Melayu standard dari segi sebutan, tatabahasa dan penggunaan kata. DMP

merupakan suatu variasi atau kelainan bahasa Melayu yang mempunyai ciri-ciri kebahasaan tersendiri dan tergolong dalam cabang bahasa Nusantara, iaitu daripada rumpun Austronesia (Ruslan Uthai, 1993:1).

Walaupun terdapat beberapa fakta telah membuktikan bahasa kesukuan masyarakat Melayu di 3WSST ialah bahasa Melayu variasi DMP, namun DMP hanya merupakan bahasa lisan atau bahasa pertuturan utama bagi orang Melayu di 3WSST. Untuk menyampaikan maklumat yang bersifat formal, umpamanya maklumat keagamaan, buku pendidikan agama, akhbar tempatan, papan tanda atau papan kenyataan dan sebagainya, mereka menggunakan bahasa Melayu standard sebagai medium penyebaran dalam bentuk tulisan Jawi. Dalam masyarakat Melayu di 3WSST, tulisan Jawi merupakan sistem tulisan perantaraan dalam bahasa Melayu. Selain DMP, tulisan Jawi juga dianggap sebagai lambang jati diri kesukuan Melayu dan sifat keagamaan Islam bagi orang Melayu di 3WSST (Kamaruddin Isayah, 2013:1).

Maka dengan ciri-ciri bahasanya tersendiri dan sifat ketaatan terhadap pemakaian bahasanya seharian, DMP terus kekal dalam sanubari orang Melayu di 3WSST walaupun mereka terpaksa menelan kepahitan kuasa pemerintahan kerajaan Thailand yang menjadikan bahasa Thai sebagai bahasa kebangsaan. Kini, DMP terkenal di persada tanah air dan dunia sebagai bahasa kesukuan masyarakat Melayu di 3WSST.

## **6. PENDIDIKAN ORANG MELAYU DALAM MASYARAKAT MELAYU DI 3WSST (S,P,N,E,I)**

Perbincangan bahagian ini selanjutnya melibatkan komponen-komponen etnografi komuniti tertentu bagi masyarakat Melayu di 3WSST, iaitu latar (S), peserta (P), norma (N), tujuan (E) dan alat (I).

Pada hari ini, masyarakat Melayu di 3WSST ialah sebuah masyarakat yang mempunyai keunikan ciri-ciri kemasyarakatannya. Penduduk masyarakat Melayu ini secara tegas menganggap diri mereka orang yang berbangsa Melayu dan mempunyai jati diri Melayu Islam yang kukuh. Masyarakat Melayu di 3WSST yang terbentuk daripada golongan penduduk beragama Islam, secara amnya sifat keislaman bagi masyarakat ini amat ketara sekali jika dinilai dari segi pembelajaran dan pemahaman hal keislaman berbanding dengan masyarakat lain di Thailand yang juga menganut agama Islam.

Berdasarkan kewarganegaraan Thai, pendidikan orang Melayu di 3WSST perlu berasaskan sistem pendidikan yang telah diumumkan oleh Kementerian Pendidikan Thailand. Walau bagaimanapun, sistem pendidikan di kawasan 3WSST agak berlainan dengan sistem pendidikan di kawasan lain negara ini oleh sebab perbezaan antara agama, bahasa dan kebudayaan (Worawit Baru, 1990: 37). Sistem pendidikan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu di 3WSST terbahagi kepada dua aliran, iaitu pendidikan kebangsaan dan pendidikan keagamaan.

Pendidikan Kebangsaan merupakan sistem pendidikan dasar yang diwajibkan kepada setiap warganegara Thailand. Sistem Pendidikan Kebangsaan ini terbahagi kepada dua peringkat, iaitu Peringkat Sekolah Rendah dan Peringkat Sekolah Menengah. Peringkat Sekolah Rendah mempunyai enam tahap untuk enam tahun belajar, manakala Peringkat Sekolah Menengah sama juga, tetapi dibahagikan kepada dua kelas utama, iaitu tiga tahun belajar untuk Peringkat Menengah Bawah dan tiga tahun lagi untuk belajar pada Peringkat Menengah Atas. Kesemua peringkat dalam sistem Pendidikan Kebangsaan ini berdasarkan sistem pendidikan negara, Jabatan Akademi, Kementerian Pendidikan Thailand. Segala mata pelajaran disampaikan dalam bahasa Thai Standard yang menjadi bahasa pengantar di sekolah pada setiap peringkat.

Walau bagaimanapun buat masa sekarang, usaha untuk pemuliharaan bahasa tempatan amnya DMP telah dilaksanakan di beberapa buah sekolah rendah di 3WSST oleh Universiti Mahidol dengan tajaan Tabung Pendidikan Thailand (*The Thailand Research Fund: TRF*) di bawah Projek Pendidikan Dwibahasa. Tumpuan utama projek ini terhadap bahasa tempatan ialah mengintegrasikan pembelajaran setiap mata pelajaran dengan menggunakan bahasa tempatan (DMP) melalui tulisan Thai. Jadi, secara tidak langsung melalui pembelajaran dwibahasa, DMP akan tertanam dalam minda pelajar bersama ilmu pengetahuan yang lain (Suwilai Premsrirat *et al.* 2010: 2).

Oleh sebab majoriti penduduk di 3WSST merupakan penduduk yang beragama Islam, maka sistem pendidikan keagamaan tidak diabaikan. Dalam erti kata lain, terdapat banyak sekali institusi pendidikan Islam atau dikenali sebagai “sekolah pondok” atau “sekolah agama tradisional” yang ditubuhkan sebagai tempat menabur ilmu keagamaan kepada masyarakat tempatan, khususnya di wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat. Sistem pendidikan sekolah pondok bersifat kuno. Pembelajarannya berasaskan Halakah, iaitu belajar secara berkumpulan yang gurunya dikelilingi oleh anak-anak murid, tidak ada peringkat atau bergred. Semua pelajar, tanpa mengira umur dan latar belakang akan mempelajari sebuah kitab di hadapan Tok Guru di sebuah dewan atau dipanggil balai terbuka yang besar (Hasan Madmarn, 2001: 29). Sekarang masih terdapat anak muda tempatan dari daerah lain datang untuk menuntut ilmu agama di sekolah pondok. Mereka ini lebih gemar belajar di sekolah pondok atau sekolah agama tradisional berbanding dengan belajar di sekolah kerajaan. Hal ini demikian kerana mungkin disebabkan oleh beberapa faktor, contohnya, hendak menunaikan kemahuan ibu bapa, kesukuan bangsa dan agama yang sama, keselesaan dalam pergaulan dengan bahasa yang sama, iaitu DMP dan suasana pembelajaran di sekolah pondok yang bersifat keislaman.

Dalam masyarakat Melayu di 3WSST selain institusi pendidikan jenis sekolah pondok, institusi pendidikan jenis madrasah atau sekolah agama bersistem juga turut ditubuhkan di bawah bantuan pihak kerajaan. Sekolah agama jenis ini kadangkala disebut juga dengan nama “Sekolah Agama Islam Swasta”. Hal ini demikian kerana pentadbiran dan pengurusan sekolah dilaksanakan oleh sekumpulan individu yang berkemampuan dan bukan daripada wakil kerajaan. Sekolah agama bersistem ini menawarkan bidang pembelajaran dua aliran, iaitu aliran agama dan aliran sekular. Pelajar-pelajar yang sudah tamat dari sekolah agama bersistem ini dapat meneruskan pendidikannya pada peringkat yang lebih tinggi, iaitu peringkat kolej atau universiti, di dalam atau di luar negara. Bahasa pengantar yang digunakan sebagai medium penyampaian maklumat di sekolah agama bersistem ialah bahasa Thai Standard dan bahasa Melayu Standard, termasuk dialek Melayu Patani.

Dalam perbincangan terhadap pendidikan dan medium-medium yang digunakan dalam semua sistem pendidikan orang Melayu di 3WSST khususnya, bahasa Thai dan bahasa Melayu termasuk DMP juga ialah bahasa yang sudah biasa digunakan oleh mereka. Usaha yang dilakukan oleh individu, keluarga, badan penyelidikan, institusi pendidikan dan masyarakat setempat terhadap pemeliharaan dan penggalakan menggunakan bahasa Melayu dan DMP dalam kalangan orang Melayu merupakan perkara yang amat membanggakan dewasa ini. Kini, kesedaran dan peluang orang Melayu di 3WSST dalam pendidikan telah berubah dan meningkat sehingga terdapat ramai ilmuwan dan ahli akademik tempatan yang berpendidikan dari luar Negara, sama ada dari negara-negara timur atau Nusantara.

## **7. PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DI 3WSST (S,P,E,I)**

Dalam bahagian ini akan dibincangkan komponen-komponen etnografi komuniti tertentu bagi masyarakat Melayu di 3WSST yang melibatkan latar (S), peserta (P), tujuan (E) dan alat (I).

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, 3WSST mempunyai banyak sekolah agama jenis sekolah tradisional (sekolah pondok) dan sekolah agama swasta. Sekolah-sekolah jenis ini mengutamakan bahasa Melayu dan DMP sebagai medium penyampaian maklumat pembelajaran. Buku teks dan bahan pembelajaran bagi kurikulum agama menggunakan bahasa Melayu standard dengan tulisan Jawi, manakala bahan bagi kurikulum lain disediakan dalam bahasa Thai. Untuk tenaga pengajar pula didapati bahawa pengajar bahagian agama ialah mereka yang datang dari 3WSST dan boleh menggunakan bahasa Melayu atau DMP ketika menyampaikan maklumat pengajaran. Pengajar bahagian lain ada juga datang dari 3WSST dan dari luar kawasan 3WSST. Kebanyakan mereka yang datang dari luar kawasan 3WSST tidak boleh berbahasa Melayu, maka bahasa Thai sahajalah yang digunakan semasa menjalankan aktiviti pembelajaran.

Penggunaan bahasa Melayu, DMP dan bahasa Thai di sekolah agama di 3WSST merupakan suatu keunikan yang tidak terdapat di mana-mana sekolah agama di kawasan lain di negara ini. Dengan erti kata lain, seratus-peratus pelajar ialah pelajar tempatan dan ada antara pengajar dan pelajar mereka selesai dalam berinteraksi dengan menggunakan bahasa yang dikuasai mereka atau campur aduk bahasa dengan tidak bertumpu pada bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan sahaja.

Penguasaan DMP bagi seorang penduduk Melayu di 3WSST dianggap perkara biasa yang terjadi melalui pengalaman dan persekitaran. Mereka menggunakan DMP dalam perbualan harian sahaja bukan dalam urusan rasmi. Bagi bahasa Melayu khususnya bahasa Melayu standard, penguasaannya perlu melalui proses pembelajaran yang bersistem.

Pembelajaran bahasa Melayu di 3WSST dewasa ini amat mendesak sejak kerajaan Thailand mengisytiharkan tahun 2015 sebagai tahun gabungan komuniti ASEAN. Oleh sebab itu, 3WSST secara langsung bersempadan dengan Malaysia, Singapura, Brunei dan Indonesia yang terkenal sebagai negara yang mempunyai bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan (lingua franca) atau bahasa rasmi. Demi kemajuan negara dan meningkatkan kehidupan masyarakat setempat ke taraf antarabangsa, alat perhubungan antarabangsa, iaitu bahasa Melayu telah digalakkan oleh pihak kerajaan tempatan untuk dimasukkan ke dalam kurikulum bahasa asing dan diajarkan pada setiap peringkat persekolahan di Thailand, khususnya di 3WSST.

Kebelakangan ini, pembelajaran bahasa Melayu telah berkembang pesat dalam bidang akademik di Thailand, khususnya di institusi pengajian tinggi bahagian Selatan Thailand. Bahasa Melayu mula diajarkan di peringkat institusi pengajian tinggi di negara ini lebih kurang 20 tahun yang lalu (tahun 1990-an). Pada permulaannya, bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi diajarkan sebagai kursus elektif, kemudian menjadi bidang kursus minor dan seterusnya berkembang menjadi kursus major. Sekarang, secara keseluruhan walaupun bidang ini masih lagi kurang di institusi pengajian tinggi Thailand, di bahagian Selatan Thailand hampir rata-rata institusi pengajian tinggi telah menawarkan kursus bahasa Melayu. Di 3WSST terdapat beberapa buah institusi pengajian tinggi yang menjalankan pembelajaran bahasa Melayu, antaranya ialah Universiti Prince of Songkhla di kampus wilayah Pattani dan di kampus Hatyai wilayah Songkhla, Universiti Thaksin di wilayah Songkhla, Universiti Al-Fatoni di wilayah Pattani, Universiti Rajabhat Yala di wilayah Yala, Universiti Rajabhat Songkhla di wilayah Songkhla dan Universiti Prince of Naradhiwat di wilayah Narathiwat.

Walaupun bahasa Melayu dilaksanakan pembelajarannya di beberapa buah institusi pengajian tinggi tersebut, kurikulum pengkhususannya masih dalam peringkat asas, yakni kandungan kurikulum umumnya berteraskan kemahiran berbahasa. Oleh sebab itu, pelajar atau penuntut yang mengambil kursus Bahasa Melayu sebagai kursus elektif atau mendalami kursus ini sebagai major atau minor, kebanyakannya ialah pelajar yang tidak menguasai bahasa Melayu atau sekiranya mereka berbahasa Melayu, bahasa Melayunya ialah dialek seperti DMP. Oleh itu, kurikulum bidang bahasa Melayu umumnya ditawarkan sebagai bidang bahasa asing,

memfokuskan keupayaan berbahasa Melayu, tetapi tidak menekankan keprofesionalan bahasa dan tidak bersifat linguistik (Kamaruddin Isayah, 2010: 50).

Tulisan Rumi merupakan tulisan yang digunakan dalam pembelajaran bahasa Melayu di IPT di Thailand. Dewasa ini, penggunaan tulisan Rumi di peringkat sekolah juga telah mula diberikan kepentingan oleh pihak yang berkaitan. Di sekolah agama pula lebih diutamakan penggunaan tulisan Jawi dalam pembelajaran bahasa Melayu dan mata pelajaran agama. Secara keseluruhannya, minat dan semangat orang ramai terhadap pembelajaran bahasa Melayu di Thailand, khususnya di 3WSST telah meningkat dan berkembang pesat. Kumpulan sasarannya bukan sekadar pelajar dari sekolah atau institusi pengajian tinggi sahaja, bahkan terdapat golongan orang awam dan kakitangan kerajaan yang berminat mempelajari bahasa Melayu, yakni bahasa Melayu standard dengan tulisan Rumi atau DMP yang menggunakan tulisan Thai dan sebutannya.

## **8. KEDUDUKAN BAHASA MELAYU DI 3WSST KETIKA DAHULU DAN SEKARANG (S,P,E,A,K,I)**

Untuk perbincangan dalam bahagian ini, komponen-komponen etnografi komuniti tertentu bagi masyarakat Melayu di 3WSST melibatkan latar (S), peserta (P), tujuan (E), aksi (A), ragam (K) dan alat (I).

Sejak dahulu bahasa Melayu mempunyai kedudukan yang setaraf dengan bahasa lain yang terkemuka di dunia, seperti bahasa Inggeris, bahasa Perancis, bahasa Cina dan sebagainya. Bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa penyebaran agama, bahasa politik, bahasa pendidikan, bahasa perdagangan, dan lain-lain. Sejarah telah membuktikan bahawa bahasa Melayu telah menjadi *lingua franca* bagi negara-negara di Asia Tenggara sejak zaman-berzaman. Di Thailand, bahasa Melayu pernah menjadi bahasa perhubungan dan bahasa diplomasi antara negara Siam dengan negara yang datang berdagang dan datang menjalin hubungan diplomasi. Kedatangan penjajah Inggeris dan Eropah ke Nusantara mengurangkan sedikit peranan bahasa Melayu sebagai *lingua franca*, namun bahasa Melayu menjadi bahasa yang sangat penting dewasa ini.

Jika dilihat dari sudut pemerintahan zaman silam, wujud peraturan sosial terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam masyarakat Melayu di 3WSST. Di sini dapat diperakui bahawa orang Melayu di 3WSST terdiri daripada golongan aristokrat dan orang biasa. Aristokrat yang dimaksudkan dalam konteks 3WSST pada zaman silam ialah golongan penutur peribumi yang diperkirakan berada dalam istana raja tertentu dari zaman ke zaman sebelum ditakluki oleh kerajaan Thai. Apabila adanya istana, adanya raja, adanya bangsawan dan adanya orang biasa, maka wujudlah peraturan sosial dalam penggunaan bahasa yang berasaskan taraf orang yang bercakap dengan orang yang dilawan cakap. Maka dengan ini, dipercayai bahawa suatu ketika dahulu di Alam Melayu 3WSST sudah termaktub sekurang-kurangnya tiga ragam bahasa, iaitu i) bahasa halus Melayu Patani, ii) bahasa standard Melayu Patani, iii) bahasa basahan Melayu Patani. Jika ketiga-tiga ragam bahasa tersebut dapat dipertahankan sehingga zaman sekarang, maka variasi sosial bahasa Melayu Patani dianggap sebagai subvariasi bahasa nasional bagi negara Thai dewasa ini.

Malangnya dewasa ini variasi sosial bahasa Melayu Patani yang dapat dipertahankan sehingga kini, ialah ragam basahan Melayu Patani sahaja. Bahasa basahan ini dikenal sebagai dialek Melayu Patani (DMP). Ada beberapa faktor yang menyebabkan kedudukan bahasa ini sebagai dialek, antaranya ialah i) DMP digunakan dalam perbualan harian antara penutur yang cekap berbahasa Melayu, terutamanya penutur peribumi, ii) DMP tidak digunakan dalam bentuk tulisan, iii) terdapat banyak pengalihan kod daripada bahasa Thai dalam sistem pertuturannya, dan iv) ayat-ayat dalam DMP tidak panjang dan kebanyakannya terdiri daripada ayat selapis,

bahkan ayat-ayat selapis ini sering kali dipendekkan di bahagian-bahagian tertentu, misalnya di bahagian subjek atau bahagian predikat (Paitoon M.Chaiyanara, 2012: 229-230). Walaupun pada suatu ketika dahulu beberapa ragam bahasa Melayu di 3WSST tidak dapat dipertahankan kedudukannya, namun DMP dianggap sebagai satu ragam bahasa Melayu yang telah menjadi bahasa ilmu dan berjaya meletakkan Patani sebagai pusat tamadun kesusasteraan Melayu Islam menerusi penghasilan karya kitab-kitab agama oleh para ulama. Penggunaan kitab-kitab agama itu sebagai bahan rujukan amat meluas sehingga sampai ke negara-negara timur tengah dan Afrika Utara (Mohd. Zamberi A. Malek, 1994: 243).

Sekarang, DMP mempunyai kedudukan tersendiri terlepas daripada unsur-unsur luar, DMP masih berfungsi sebagai alat perhubungan antara masyarakat Melayu Patani dan berperanan dalam membina identiti masyarakat Melayu setempat. Hamiding Sanor (2012: 183-186) telah mengulas kedudukan DMP dalam masyarakat Melayu di 3WSST sekarang kepada empat aspek seperti huraian di bawah.

Aspek pertama ialah kedudukan DMP masih lagi berorientasi atau berpegang kepada bahasa Melayu yang berdasarkan sistem tulisan Jawi, dengan erti kata lain, tulisan Jawi melambangkan kedudukan orang Melayu Islam. Aspek yang kedua ialah kewujudan tulisan Jawi ialah berlatar belakangkan kedatangan Islam di Patani dan Nusantara umumnya. Adapun masyarakat Melayu Patani sejak dahulu terutama dalam kalangan generasi tua, hanya mengenal bahasa Melayu melalui tulisan Jawi, baik dalam buku pembelajaran, kitab agama, majalah atau surat kiriman. Aspek yang ketiga ialah bahasa Melayu dalam bentuk tulisan Jawi telah berkembang maju sejak zaman silam dari abad ke-17 hingga abad ke-20. Bahasa Melayu menjadi bahasa perhubungan "*lingua franca*", bahasa undang-undang dan pentadbiran (sesuai dengan zamannya), bahasa urusan keistanaan Melayu dan bahasa pendidikan dan keagamaan. Sejarah telah menyaksikan kemajuan dan ketamadunan bahasa Melayu bentuk tulisan Jawi sudah sekian abad. Aspek yang keempat ialah hal yang jelas di kaca mata orang ramai dalam masyarakat Melayu di 3WSST ialah ketamadunan yang dicipta oleh masyarakatnya sendiri berkenaan pendidikan secara berpondok. "Pondok" ialah suatu panggilan institusi pendidikan agama Islam yang secara tidak langsungnya berperanan mempertahankan dan memartabatkan bahasa Melayu, khasnya dalam bentuk tulisan Jawi. Kedudukan institusi pondok merupakan asas kekuatan agama Islam dan kehidupan budaya bangsa di rantau ini, terutamanya di 3WSST. Para ulama dan tok guru memainkan peranan penting dalam menyebarkan pengertian segala amalan agama dan sentiasa mengajar, menulis dan membaca berdasarkan bahasa Melayu tulisan Jawi meskipun tidak berpandu dengan kaedah kebahasaan yang konsisten.

Sekarang ini, suasana bahasa Melayu di 3WSST menunjukkan adanya sikap lunak kerajaan dengan memberikan ruang udara yang segar terhadap perkembangan bahasa Meayu. Hal ini dapat disaksikan dengan Seminar Antarabangsa "Memartabatkan Bahasa Melayu di ASEAN" yang diselenggarakan oleh Universiti Islam Yala dengan kerjasama Pusat Pentadbiran Wilayah Sempadan Selatan. Seminar yang berlangsung di Park View Resort, Pattani, 13-15 Oktober 2012 tersebut telah mendapat kerjasama daripada beberapa buah institusi ilmunan bahasa tempatan dan luar negara yang terlibat secara langsung dengan usaha memartabatkan bahasa Melayu, khasnya DMP.

Paitoon M. Chaiyanara (2012: 229) menyatakan bahawa dalam kaitan dengan masa depan bahasa Melayu juga kita dapat merasakan bahawa di depan sana terdapat semacam suatu era baru yang cerah sedang menunggu. Diharap agar masyarakat Melayu yang merupakan kaum majoriti penutur bahasa Melayu di 3WSST akan dapat menikmati siaran radio dan televisyen dalam bahasa ibunda mereka secara terus menerus 24 jam sehari. Komitmen tersebut disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Nivatamrong Boonsongpaisal seperti dikutip harian The Nation, edisi 2 Oktober 2012. Menurutnya mulai tahun 2013, Perkhidmatan Penyiaran Kebangsaan Thailand (NBT) akan mengadakan siaran radio dan televisyen dalam bahasa Melayu di wilayah-wilayah majoriti penduduknya bercakap dalam bahasa tersebut.

Sekiranya sebelum ini siaran dalam bahasa Melayu hanya beberapa jam sahaja, mulai Januari 2013 akan ditambah (bukan hanya radio, bahkan televisyen juga) menjadi 24 jam.

Bahasa Melayu di 3WSST dewasa ini bukan sekadar bahasa perhubungan antara suku bangsa atau medium dalam pendidikan agama, malah bahasa Melayu di 3WSST mampu menjadi wahana kedamaian dan kefahaman antara penduduk Melayu dengan pihak kerajaan. Seperti mana yang telah dimaklumkan, 3WSST merupakan kawasan politik bergolak dan sering berlaku konflik yang tidak ada pihak yang bertanggungjawab mengaku kejadiannya. Kerajaan sendiri cuba mencari jalan keluar untuk menyelesaikan fenomena tersebut. Beberapa pendekatan telah diambil oleh pihak kerajaan untuk mendamaikan konflik tetapi tidak tercapai, bahkan konflik bertambah parah. Dengan demikian, bahasa Melayu khususnya DMP telah diperakui oleh beberapa pihak sebagai medium fahaman antara pihak yang terbabit. Sekarang didapati bahasa Melayu telah dibenarkan untuk diajarkan di sekolah, nama tempat pada papan tanda boleh ditukarkan kepada nama asalnya, iaitu bahasa Melayu, kakitangan kerajaan yang tidak boleh berbahasa Melayu digalakkan mempelajari bahasa Melayu dan DMP, kegiatan masyarakat yang berunsurkan bahasa dan budaya Melayu yang mendorong kedamaian dan fahaman konflik telah disokong orang ramai, orang Melayu tempatan dibebaskan menggunakan bahasa Melayu atau DMP di mana-mana pejabat kerajaan, dasar kerajaan tidak menindas bahasa Melayu yang merupakan bahasa majoriti di 3WSST ketika bahasa Thai merupakan bahasa rasmi dan lain-lain yang tertera menunjukkan bahasa Melayu berperanan sebagai pemacu ke arah kedamaian dalam masyarakat Melayu di 3WSST.

Maka dengan sifat kesetiaan terhadap bahasa ibunda dan keutuhan terhadap jati diri bangsa, budaya Melayu dan DMP dipergunakan dalam penyebaran maklumat kepada penduduk tempatan dalam bentuk media cetak atau media suara di merata-rata tempat di 3WSST. Walaupun bahasa Melayu atau DMP tidak berkedudukan sama atau bukan sebagai bahasa rasmi di negara ini, tetapi bagi penduduk Melayu di 3WSST bahasa ini ialah jiwa bangsa dan kedaulatan jati diri masyarakat mereka. Hakikatnya, sekiranya bahasa Melayu atau DMP didukung oleh pihak yang bertanggungjawab di negara ini pastinya kelak bahasa ini akan terus berkembang dan mekar kembali di persada dunia seperti dahulu kala.

## 9. RUMUSAN

Secara keseluruhan, masyarakat Melayu di 3WSST merupakan sebuah masyarakat minoriti di Thailand, Di bahagian hujung Selatan Thailand, masyarakat ini dianggap majoriti penduduknya. Identiti yang melambangkan masyarakat ini bersifat Melayu ialah pembentukan masyarakat sejak zaman silam hingga sekarang berunsurkan ciri-ciri Melayu, iaitu dengan mengamalkan masyarakat adat dan budaya Melayu. Sejarah telah membuktikan bahawa masyarakat di sini adalah masyarakat Melayu asal yang tidak diasimilasikan daripada mana-mana masyarakat. Bahasa Melayu dan DMP merupakan medium utama bagi penduduk masyarakat ini dan ia merupakan alat perhubungan antara mereka dengan masyarakat Melayu serantau. Bagi orang Melayu di 3WSST, bahasa Melayu melambangkan jati diri mereka. Walaupun bahasa Thai yang merupakan bahasa rasmi di negara ini, namun bahasa Melayu malah DMP masih dikekalkan dan dipertahankan kedudukannya sehingga dapat diambil perhatian oleh pihak kerajaan supaya memainkan peranan dalam usaha menyelesaikan masalah dalaman dan membangunkan masyarakat bertaraf antarabangsa. Selain itu, peranan yang dimainkan oleh bahasa Melayu di 3WSST, terdapat pelbagai aspek, amnya dalam urusan harian, politik, tempatan, media massa, pendidikan agama dan lain-lain. Dari sudut sosiolinguistik, masyarakat Melayu di 3WSST jelas sekali mengalami fenomena pertembungan bahasa di antara DMP dengan bahasa Thai, kesannya muncullah sebuah masyarakat dwibahasa. Hakikatnya, fenomena kedwibahasaan di dalam masyarakat ini mengakibatkan berlaku beberapa aspek linguistik seperti fenomena pemilihan bahasa, percampuran kod serta pengalihan kod dan sebagainya.

## RUJUKAN

- Ahmad Fathy al-Fatani. (2009). "Delima "Basa Yawi" di Selatan Thai: Antara Kesetiaan Bahasa dan Cabaran Semasa". *Persidangan Antarabangsa, The Phantasm in Soutern Thailand: Historical Writing on Patani and the Islamic World (2009)*. Anjuran Chulalongkorn University, Bangkok.
- Amon Thawisak. (1987). *Phasa Melayu Thin Nai Pratet Thai (Dialek Melayu di Thailand)*. Bangkok: Sathaban Wichai Phasa Lae Wattanatham Phua Phattana Chonnabot, Mahidol University.
- Asmah Haji Omar. (1976). *Kepelbagaian Fonologi Dialek-Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chai Ruangsilpa. (1974). *Prawatisart Thai. (Sejarah Negara Thai)*. Bangkok: Ruangsilpa.
- Hamiding Sanor. (2012). "Memartabatkan Bahasa Melayu di Asean: Satu Tinjauan Sepintas Terhadap Kedudukan Bahasa Melayu di Patani". *Seminar Antarabangsa: Memartabatkan Bahasa Melayu di Dunia (2012)*. Anjuran Universiti Islam Yala dan Pusat Pentadbiran Wilayah Sempadan Thailand, 13-14 Oktober 2013.
- Hara Shintaro. (2000). *Perbandingan Arah Perkembangan Bahasa Melayu di Malaysia dan Thailand*. Tesis Sarjan Pengajian Melayu (M.A). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hasan Mardman. (2001). *Pondok dan Madrasah di Patani*. (Terj.) Haslina binti Kalami. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Holmes, J. (1993). *An Introduction to Sociolinguistics*. New York: Longman.
- Hudson, R. A. (1996). *Sociolinguistics (Second Edition)*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hymes, D. (1971). "Sociolinguistic and the Ethnography of Speaking" dalam Edwin Ardener. (ed). *Social Anthropology and Language*. London: Tavistock.
- Hymes, D. (1974). *Foundations in Sociolinguistics: An Ethnographic Approach*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Ismail Hamid. (1988). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaruddin Isayah. (2010). Pembelajaran Bahasa Melayu di Universiti Thaksin, Thailand. *Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Jil.(10)1, hlm.50-53.
- Kamaruddin Isayah. (2013). "Aksorn Yawi: Attalak Heng Klum Chatiphan Melayu (Tulisan Jawi: Identiti Etnik Melayu)". *Persidangan Kebangsaan: Bahasa dan Budaya 2013*" Anjuran Institut Bahasa dan Budaya Asia, Universiti Mahidol, Nakhornpathom.
- Mohd. Zamberi A. Malek. (1994). *Patani dalam Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Anuar Nik Mahmud. (1999). *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954*. Diperoleh daripada website [http://www.terasmelayu.net/sejarah\\_perjuangan\\_melayu\\_patani.htm](http://www.terasmelayu.net/sejarah_perjuangan_melayu_patani.htm), pada 16 Mac 2013.
- Paitoon M. Chaiyanara. (2012). "Pelestarian Bahasa Melayu Patani". *Seminar Antarabangsa: Memartabatkan Bahasa Melayu di Dunia (2012)*. Anjuran Universiti Islam Yala dan Pusat Pentadbiran Wilayah Sempadan Thailand, 13-14 Oktober 2012.
- Ruslan Uthai. (1993). *A Comparison of Formation in Standard Malay and Pattani Malay*. Tesis Sarjana (M.A.) Chulalongkorn Unversity, Bangkok.
- Sawvane Jitmond. (1988). *Ethnic Group: Thai Muslim*. Bangkok: Kongthun Sanga Ruji Amporn.
- Seni Mahadkakul & Uthai Dunlaya Kasem. (1986). "Prawat Lae Patanakaan Khong Chaow Thai Muslim" (Sejarah dan Perkembangan Penduduk Thai Muslim) di dalam *Mubaan Lae Ruan Thai Muslim Nai Changwat Chaidae Phaktai*. Pattani: Prince of Songkhla University.
- Siriporn Kalong. (2005). *Pengumpulan Peribahasa Thai di Selatan Thailand dan Terjemahannya dalam Bahasa Melayu*. Tesis Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu (M.Ed.). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Songkhram Chuenpibal. (1975). *Assimilation of Thai Muslim in the Border Provinces of Southern Thailand*. Bangkok: Universiti Chulalongkorn.



- Suwilai Premsrirat *et al.* (2010). *Phasa Melayu Thin (Patani) Khong Khon Thai Muslim Chuasai Melayu Nai 3 Changwat Chaidae Phaktai* (Bahasa Melayu Tempatan Orang Melayu Muslim 3 Wilayah Sempadan Selatan Thailand). Institut Penyelidikan Bahasa dan Budaya Asia: Universiti Mahidol.
- Teeuw, A. & Wyatt, D.K. (1970). *Hikayat Patani: The Story of Patani*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Trudgill, P. (1984). *Sociolinguistik Satu Pengenalan*. (Terj.) Nik safiah Karim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wardhaugh, R. (1986). *An Introduction to Sociolinguistics*. Oxford: Basil Blackwell.
- Worawit Baru. (1990). *Pengaruh bahasa Thai ke atas Dialek Melayu Patani: Kajian Kes Sociolinguistik di Wilayah Pattani*. Tesis Sarjana (M.A.). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Worawit Baru. (1999). *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*. Disertasi Doktor Falsafah (Ph.D.). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

